

Nama: _____ Kelas: _____ Tarikh: _____

7.3 Sistem Ahli

Pilih satu jawapan yang paling sesuai.

1. Bagaimanakah British cuba merealisasikan hasrat berikut di Tanah Melayu?

Dasar Dekolonisasi

- | | |
|-------------------------------|----------------------------------|
| A. Pelaksanaan Sistem Ahli | C. Pengenalan sistem demokrasi |
| B. Kemasukan golongan imigran | D. Kelonggaran syarat kerakyatan |

2. Dasar dekolonisasi telah diperkenalkan oleh PBB selepas Perang Dunia kedua. Apakah kesan dasar tersebut kepada tanah jajahan?

- | | |
|------------------------|----------------------|
| A. Berkerajaan sendiri | C. Kemajuan ekonomi |
| B. Pembukaan bandar | D. Penjajahan baharu |

3. Apakah cadangan Dato' Onn Jaafar bagi mengatasi kekurangan pegawai tempatan dalam perkhidmatan kerajaan?

- | | |
|--------------------------------|----------------------------------|
| A. Pelaksanaan Sistem Ahli | C. Kemasukan golongan imigran |
| B. Pengenalan sistem demokrasi | D. Kelonggaran syarat kerakyatan |

4. Mengapakah Sistem Ahli diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu pada tahun 1951?

- A. Melaksanakan kempen pilihan raya umum
- B. Merangka perlembagaan baru yang merdeka
- C. Membincangkan sistem pendidikan orang Melayu
- D. Melatih penduduk tempatan menerajui pentadbiran

5. Sistem ahli mengekalkan tiga portfolio di bawah pentadbiran British. Antara berikut, yang manakah portfolio tersebut?

- | | |
|------------------------------|---------------|
| I. Hal Ehwal Ekonomi | |
| II. Tenaga dan sumber Asli | |
| III. Pembangunan Luar Bandar | |
| IV. Perumahan dan Kerja Raya | |
| A. I dan II | C. II dan III |
| B. I dan IV | D. III dan IV |

6. Apakah tanggungjawab anggota Majlis Perundangan Persekutuan dalam Sistem Ahli?

- A. Memimpin sistem cabinet
- B. Mengetuai pelbagai bidang
- C. Mentadbir beberapa jabatan
- D. Melindungi penduduk tempatan

7. Sistem Ahli dilaksanakan pada bulan April 1951 hingga Jun 1955. Apakah gelaran lain bagi sistem tersebut?

- | | |
|----------------------------|---------------------------------|
| A. Sistem Jemaah Menteri | C. Sistem pentadbiran pusat |
| B. Sistem kabinet bayangan | D. Sistem Penasihat Persekutuan |

8. Siapakah yang melantik “Ahli” dalam Sistem Ahli?

- A. Ketua Menteri
- B. Majlis Raja-Raja
- C. Pesuruhjaya Tinggi British
- D. Majlis Perundangan Persekutuan

9. Apakah ciri-ciri sistem ahli?

- A. Ahli dilantik oleh Raja-raja Melayu
- B. Terdiri daripada pengawai Barat
- C. Satu sistem kabinet bayangan
- D. Ahli bertaraf “Ketua Menteri”

10. Apakah kebaikan penubuhan Sistem Ahli terhadap negara kita?

- I. Menjadi asas mencapai kemerdekaan
 - II. Menyatukan semua negeri Melayu
 - III. Pemulihan kedaulatan Raja-raja Melayu
 - IV. Pendedahan penduduk dalam pentadbiran
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

11. Bagaimanakah Sistem Ahli dapat memperkukuh perpaduan rakyat?

- A. Ahli dipantau oleh suruhanjaya bebas
- B. Undang-undang antiperkauman digubal
- C. Ahli dilantik dalam kalangan pelbagai kaum
- D. Mewajibkan penggunaan bahasa kebangsaan

12. Antara berikut **bukan** kebaikan Sistem Ahli kepada penduduk Persekutuan Tanah Melayu kecuali...

- A. Menjimatkan kewangan kerajaan
- B. Mendapatkan pengiktirafan kuasa besar
- C. Mengekalkan pentadbiran tradisional
- D. Mendapat peluang mentadbir kerajaan.